



## **GARIS PANDUAN BERHUBUNG PENGECUALIAN CUKAI BAGI PENINGKATAN DALAM PENDAPATAN BERCUKAI PERNIAGAAN**

---

### **1. TUJUAN**

Garis panduan ini dikeluarkan untuk menjelaskan layanan dan pengiraan cukai bagi tuntutan insentif pengurangan kadar cukai pendapatan berdasarkan tahap peratus peningkatan pendapatan bercukai tahun taksiran semasa berbanding tahun taksiran sebaik sebelumnya. Insentif ini dicadangkan dalam Belanjawan Tahun 2017 dan diperuntukkan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.2) 2017/ [P.U.(A)117/2017] (Perintah) dan berkuatkuasa bagi tahun taksiran 2017 dan 2018.

### **2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

2.1 Pembayar cukai bermaustatin yang layak ialah –

- (a) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777];
- (b) suatu perkongsian liabiliti terhad (PLT) yang berdaftar di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743];
- (c) suatu badan amanah;
- (d) seorang pentadbir harta pusaka bagi individu yang telah meninggal dunia yang berdomisil di luar Malaysia pada masa kematiannya; dan
- (e) seorang penerima yang berkaitan dengan subseksyen 68(4) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

- 2.2 Syarat-syarat tuntutan bagi pembayar cukai ialah –
- (a) perniagaan telah beroperasi tidak kurang daripada dua puluh empat bulan sebelum menuntut pengecualian bagi sesuatu tahun taksiran di bawah Perintah ini;
  - (b) mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada punca perniagaan bagi kedua-dua tempoh taksiran yang dibandingkan; dan
  - (c) mempunyai akaun untuk tempoh dua belas bulan yang berakhir pada tarikh yang sama bagi kedua-dua tahun taksiran yang dibandingkan.


**Contoh 1 : Tempoh operasi kurang daripada 24 bulan**

Cemara Sdn Bhd memulakan perniagaan pada 1 Januari 2016 dan menyediakan akaun seperti berikut –

Tahun taksiran 2016 : 1.1.2016 - 31.12.2016 (12 bulan)

Tahun taksiran 2017 : 1.1.2017 - 31.12.2017 (12 bulan)

dan 31 Disember setiap tahun.



Cemara Sdn Bhd memenuhi tempoh operasi 24 bulan pada 31 Disember 2017. Oleh itu, syarikat hanya layak menuntut pengecualian ini pada tahun taksiran 2018.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

**Contoh 2: Tempoh operasi lebih daripada 24 bulan**


Pelangi Sdn Bhd memulakan perniagaannya pada 1 Januari 2015 dan menyediakan akaun seperti berikut –

Tahun taksiran 2015 : 1.1.2015 – 30.6.2015 (6 bulan)

Tahun taksiran 2016 : 1.7.2015 – 30.6.2016 (12 bulan)

Tahun taksiran 2017 : 1.7.2016 – 30.6.2017 (12 bulan)

dan 30 Jun setiap tahun.



Pelangi Sdn Bhd memenuhi tempoh operasi 24 bulan pada 31 Disember 2016. Oleh itu, syarikat hanya layak menuntut pengecualian ini pada tahun taksiran 2018.

**Contoh 3: Rugi perniagaan**

Delima Sdn Bhd memulakan perniagaannya pada tahun 2012. Syarikat mengalami kerugian bagi tahun taksiran 2016. Syarikat melaporkan keuntungan perniagaan bagi tahun taksiran 2017. Syarikat tidak layak menuntut insentif di bawah Perintah bagi tahun taksiran 2017.

- 2.3 Pembayar cukai tidak layak untuk tuntutan pengecualian ini sekiranya terdapat pertukaran dalam tempoh perakaunan yang menyebabkan pembayar cukai yang tidak mempunyai tempoh akaun 12 bulan bagi salah satu tahun taksiran yang dibandingkan.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

**3. PENGIRAAN PENDAPATAN DIKECUALIKAN**

3.1 Pengiraan insentif ini hendaklah mengikut aturan seperti berikut –

- (a) pengiraan amaun peningkatan pendapatan bercukai perniagaan bagi –
  - i) tahun taksiran 2017 (bandingan tahun taksiran 2017 dan tahun taksiran 2016); atau
  - ii) tahun taksiran 2018 (bandingan tahun taksiran 2018 dan tahun taksiran 2017).

Hanya peningkatan pendapatan bercukai perniagaan sahaja yang layak bagi tuntutan insentif di bawah Perintah ini. Oleh itu, pendapatan bercukai perniagaan bagi setiap tahun taksiran dikira mengikut formula berikut –

$$\frac{\text{Pendapatan berkanun perniagaan}}{\text{Pendapatan Agregat}} \times \text{Pendapatan bercukai}$$

- (b) pengiraan peratus nilai peningkatan pendapatan bercukai mengikut formula berikut –

$$\frac{A - B}{B} \times 100$$

dimana A ialah amaun pendapatan bercukai daripada punca perniagaan pembayar cukai yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; dan

B ialah amaun pendapatan bercukai daripada punca perniagaan pembayar cukai yang layak dalam tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran itu.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

Peratus nilai peningkatan pendapatan bercukai akan digunakan bagi menentukan kadar cukai pendapatan selepas pengurangan seperti Jadual berikut-

Peratus nilai peningkatan pendapatan bercukai tahun taksiran semasa berbanding tahun taksiran sebaik sebelumnya	Pengurangan mata peratusan	Kadar cukai pendapatan selepas pengurangan (%)
Kurang dari 5.00	Tiada	24
5.00 - 9.99	1	23
10.00 - 14.99	2	22
15.00 - 19.99	3	21
20.00 dan ke atas	4	20

*Jadual : Kadar peratus nilai peningkatan bercukai, pengurangan mata peratusan dan kadar cukai pendapatan selepas pengurangan*

- (c) pengiraan amaun pendapatan bercukai perniagaan yang dikecualikan mengikut formula berikut –

$$\frac{(C \times 24\%) - (C \times D)}{C \times 24\%} \times C$$

dimana C ialah amaun peningkatan pendapatan bercukai perniagaan bagi tahun taksiran 2017 atau 2018; dan D ialah kadar cukai pendapatan selepas pengurangan.

*Nota :*

*Nilai C adalah sama dengan A-B dalam perenggan 3.1(b).*

*Kadar cukai semasa adalah 24%.*

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

- 3.2 Sekiranya pembayar cukai mempunyai lebih daripada satu punca perniagaan, maka kesemua punca perniagaan tersebut hendaklah disatukan bagi tujuan pengiraan amaun peningkatan pendapatan bercukai perniagaannya.

**Contoh 4 : Dua punca perniagaan**

Syarikat Menara Sdn Bhd telah menjalankan perniagaan pengedaran alat ganti kenderaan sejak tahun 2012. Dalam tahun taksiran 2017, syarikat mempelbagaikan perniagaan dengan mengeluarkan produk mesin sebagai perniagaan kedua syarikat. Syarikat mempunyai pendapatan bercukai bagi tahun taksiran 2016. Syarikat juga mempunyai pendapatan bercukai bagi kedua-dua perniagaan dalam tahun taksiran 2017. Menara Sdn Bhd layak untuk menuntut pengecualian ini dalam tahun taksiran 2017.

**Contoh 5 : Satu daripada 2 punca perniagaan mengalami kerugian**

Fakta sama seperti contoh 4 tetapi perniagaan pengeluaran produk mesin mengalami kerugian dalam tahun taksiran 2017. Bagaimanapun, apabila kerugian perniagaan pengeluaran produk mesin disatukan dengan pendapatan perniagaan jualan alat ganti, syarikat masih mempunyai pendapatan boleh dikenakan cukai. Menara Sdn Bhd layak untuk menuntut pengecualian ini kerana mempunyai pendapatan bercukai daripada punca perniagaan dalam tahun taksiran 2017.

- 3.3 Pengiraan amaun pendapatan bercukai perniagaan hendaklah ditentukan selepas tolakan derma tetapi tanpa mengambil kira mana-mana kerugian atau elaun galakan yang tidak diserap dalam tahun taksiran itu dan tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran itu iaitu —

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

- (a) kerugian yang tidak diserap dalam tahun taksiran sebelum di bawah subseksyen 43(2) ACP dan tidak termasuk kerugian tahun taksiran semasa di bawah subseksyen 44(2) ACP;
  - (b) elaun pelaburan semula (EPS) yang tidak diserap di bawah Jadual 7A;
  - (c) elaun cukai pelaburan yang tidak diserap di bawah subseksyen 25(3), 25(4), 29(5), 29A(5), 29B(4), 29D(4), 29E(4), 29F(4), 29G(4), 29H(4), 29J(4), 29K(4), 29O(6) dan perenggan 29L(3)(c), (4)(c), (5)(c) dan (6)(c) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*] (APP);
  - (d) kerugian yang tidak diserap di bawah mana-mana perintah di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP; dan
  - (e) elaun yang tidak diserap di bawah seksyen 154 ACP kecuali elaun di bawah Jadual 3 ACP.
- 3.4 Pembayar cukai dibenarkan menuntut EPS, lain-lain elaun atau pengecualian pendapatan yang tidak diserap dari tahun-tahun taksiran sebelum dalam tahun taksiran semasa. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengiraan peningkatan pendapatan bercukai, ia tertakluk kepada pengiraan di dalam subperenggan 3.3 (subperenggan 4(4) Perintah).
- 3.5 Pembayar cukai menuntut pengecualian pendapatan di bawah insentif ini masih layak untuk menuntut potongan di bawah mana-mana Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan di bawah seksyen 154 ACP.
- 3.6 Bagi syarikat yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan saham biasa tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi tahun taksiran 2017 dan 2018, syarikat tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan dibawah perenggan 2B dan 2C Jadual 1 ACP.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

Pengecualian hanya terpakai atas baki peningkatan pendapatan bercukai perniagaan yang melebihi daripada RM500,000 pertama pendapatan bercukai. Ini adalah kerana pendapatan RM500,000 pertama dikenakan cukai pendapatan pada kadar kurang daripada kadar selepas pengurangan dalam Perintah (kadar semasa 18%).

- 3.7 Bagi suatu PLT yang mempunyai sumbangan modal tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi tahun taksiran 2017 dan 2018, PLT tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan dibawah 2E dan 2F Jadual 1 ACP. Pengecualian hanya terpakai atas baki peningkatan pendapatan bercukai perniagaan yang melebihi daripada RM500,000 pertama pendapatan bercukai.

**4. CONTOH PENGIRAAN**

**Contoh 6 : Syarikat yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta**

BAT Sdn Bhd telah beroperasi sebagai pengeluar perabot semenjak tahun taksiran 2011. Modal berbayar syarikat adalah RM800 ribu. Dalam tahun taksiran 2017 dan 2018 syarikat ingin menuntut pengecualian bagi amaun peningkatan pendapatan perniagaan dan telah mematuhi kesemua syarat untuk pengecualian. Pengiraan cukai syarikat adalah seperti berikut –

	<b>Tahun Taksiran 2018 (RM)</b>	<b>Tahun Taksiran 2017 (RM)</b>	<b>Tahun Taksiran 2016 (RM)</b>
Pendapatan berkanun perniagaan	650,000 <sup>1</sup>	205,000 <sup>2</sup>	130,000
Pendapatan faedah	30,000	3,000	10,000
Pendapatan agregat	680,000 <sup>3</sup>	208,000 <sup>4</sup>	140,000
Pendapatan bercukai	680,000 <sup>5</sup>	208,000 <sup>6</sup>	140,000



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

**Tahun Taksiran 2017**

BAT Sdn Bhd mempunyai pendapatan bercukai kurang daripada RM500,000 bagi tahun taksiran 2016 dan 2017. Oleh itu, syarikat tidak layak menuntut insentif di bawah Perintah bagi tahun taksiran 2017 kerana dikenakan cukai pendapatan pada kadar 18%.

**Tahun Taksiran 2018**

**(a) Pengiraan pendapatan bercukai perniagaan Tahun Taksiran 2018**

$\frac{\text{Pendapatan berkanun perniagaan}}{\text{Pendapatan Agregat}} \times \text{Pendapatan bercukai}$

$$\frac{650,000^1}{680,000^3} \times 680,000^5 = 650,000 \text{ (A)}$$

**(b) Pengiraan pendapatan bercukai perniagaan Tahun Taksiran 2017**

$\frac{\text{Pendapatan berkanun perniagaan}}{\text{Pendapatan Agregat}} \times \text{Pendapatan bercukai}$

$$\frac{205,000^2}{208,000^4} \times 208,000^6 = 205,000 \text{ (B)}$$

**(c) Pengiraan amaun peningkatan pendapatan bercukai perniagaan –**

(i)  $A - B = 650,000 - 205,000 = 445,000^7$

(ii) pengiraan pendapatan bercukai perniagaan yang tidak tertakluk kepada pengecualian kerana dikenakan kadar cukai semasa 18%:

$$500,000 - 205,000 = 295,000^8$$

(iii) pengiraan amaun peningkatan pendapatan bercukai perniagaan yang tertakluk kepada pengecualian.

$$445,000^7 - 295,000^8 = 150,000^9 \text{ (C)}$$

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

- (d) **Pengiraan peratus nilai peningkatan pendapatan bercukai perniagaan**

$$\frac{A - B}{B} \times 100\%$$

$$\frac{445,000}{205,000} \times 100\% = 217.07\%$$

Kadar cukai pendapatan yang layak berdasarkan Jadual di bawah perenggan 3(1)(b) ialah 20% (D).

- (e) **Pengiraan amaun pendapatan bercukai perniagaan yang dikecualikan**

$$\frac{(C \times 24\%) - (C \times D)}{C \times 24\%} \times C$$

$$\frac{(150,000^9 \times 24\%) - (150,000^9 \times 20\%)}{(150,000^9 \times 24\%)} \times 150,000^9$$

$$= 25,000^{10}$$

- (f) **Pengiraan cukai dengan tuntutan pengecualian peningkatan pendapatan cukai perniagaan bagi tahun taksiran 2018**

	RM	
Pendapatan bercukai		680,000 <sup>5</sup>
Tolak : Pengecualian peningkatan pendapatan bercukai perniagaan		(25,000 <sup>10</sup> )
		655,000
Cukai kena dibayar	500,000 @ 18% =	90,000.00
	155,000 @ 24% =	37,200.00
		127,200.00

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

**Contoh 7 : Syarikat yang mempunyai modal berbayar melebihi RM2.5 juta**

Menang Sdn Bhd telah beroperasi sebagai pengeluar *hot roll coil* semenjak tahun taksiran 2010. Modal berbayar syarikat adalah RM3 juta. Dalam tahun taksiran 2017 dan 2018 syarikat ingin menuntut pengecualian cukai bagi peningkatan pendapatan perniagaan dan telah mematuhi kesemua syarat untuk pengecualian. Pengiraan cukai syarikat adalah seperti berikut –

	<b>Tahun Taksiran 2018 (RM)</b>	<b>Tahun Taksiran 2017 (RM)</b>	<b>Tahun Taksiran 2016 (RM)</b>
Pendapatan berkanun perniagaan	2,065,000 <sup>7</sup>	1,890,000 <sup>1</sup>	1,470,000 <sup>2</sup>
Pendapatan faedah	7,000	10,000	8,000
Pendapatan agregat	2,072,000 <sup>8</sup>	1,900,000 <sup>3</sup>	1,478,000 <sup>4</sup>
Pendapatan bercukai	2,072,000 <sup>9</sup>	1,900,000 <sup>5</sup>	1,478,000 <sup>6</sup>

**Tahun Taksiran 2017**

**(a) Pengiraan pendapatan bercukai perniagaan Tahun Taksiran 2017**

$$\frac{1,890,000^1}{1,900,000^3} \times 1,900,000^5 = 1,890,000 \text{ (A)}$$

**(b) Pengiraan pendapatan bercukai perniagaan Tahun Taksiran 2016**

$$\frac{1,470,000^2}{1,478,000^4} \times 1,478,000^6 = 1,470,000 \text{ (B)}$$

**(c) Pengiraan amaun peningkatan pendapatan bercukai perniagaan**

$$\begin{aligned} \text{(A-B)} &= 1,890,000 - 1,470,000 \\ &= 420,000 \text{ (C)} \end{aligned}$$

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

- (d) **Pengiraan peratus nilai peningkatan pendapatan bercukai perniagaan**

$$\frac{420,000}{1,470,000} \times 100\% = 28.57\%$$

Kadar cukai pendapatan yang layak berdasarkan Jadual di bawah perenggan 3(1)(b) ialah 20% (D).

- (e) **Pengiraan amaun pendapatan bercukai perniagaan yang dikecualikan**

$$\frac{(C \times 24\%) - (C \times D)}{C \times 24\%} \times C$$

$$\frac{(420,000 \times 24\%) - (420,000 \times 20\%)}{(420,000 \times 24\%)} \times 420,000$$

$$= 70,000^{10}$$

- (f) **Pengiraan cukai dengan tuntutan pengecualian peningkatan pendapatan cukai perniagaan bagi tahun taksiran 2017**

Tahun Taksiran 2017	RM
Pendapatan bercukai	1,900,000 <sup>5</sup>
Tolak : Pengecualian peningkatan pendapatan bercukai perniagaan	(70,000 <sup>10</sup> )
	1,830,000
Cukai kena dibayar	1,830,000 @ 24% = 439,200.00

**Tahun Taksiran 2018**

- (a) **Pengiraan pendapatan bercukai perniagaan Tahun Taksiran 2018**

$$\frac{2,065,000^7}{2,072,000^8} \times 2,072,000^9 = 2.065,000 (A)$$

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

- (b) Pengiraan pendapatan bercukai perniagaan Tahun Taksiran 2017**

$$\frac{1,890,000^1}{1,900,000^3} \times 1,900,000^5 = 1,890,000 \text{ (B)}$$

- (c) Pengiraan amaun peningkatan pendapatan bercukai perniagaan**

$$(A-B) = 2,065,000 - 1,890,000 = 175,000 \text{ (C)}$$

- (g) Pengiraan peratus nilai peningkatan pendapatan bercukai perniagaan**

$$\frac{175,000}{1,890,000} \times 100\% = 9.26\%$$

Kadar cukai pendapatan yang layak berdasarkan Jadual di bawah perenggan 3(1)(b) ialah 23% (D).

- (h) Pengiraan amaun pendapatan bercukai perniagaan yang dikecualikan**

$$\frac{(175,000 \times 24\%) - (175,000 \times 23\%)}{(175,000 \times 24\%)} \times 175,000$$

$$= 7,292^{11}$$

- (i) Pengiraan cukai dengan tuntutan pengecualian peningkatan pendapatan cukai perniagaan bagi tahun taksiran 2018**

	RM
Pendapatan bercukai	2,072,000 <sup>9</sup>
Tolak : Pengecualian peningkatan pendapatan bercukai perniagaan	(7,292 <sup>11</sup> )
	2,064,708
Cukai kena dibayar	2,064,702 @ 24% = 495,529.92

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

**Contoh 8 : Syarikat yang mempunyai modal berbayar melebihi RM2.5 juta dengan tuntutan kerugian perniagaan tahun sebelum dan derma**

APP Sdn Bhd telah beroperasi sebagai pengeluar *IC Packaging* semenjak tahun taksiran 2012. Modal berbayar syarikat adalah RM10 juta. Dalam tahun taksiran 2017 syarikat ingin menuntut pengecualian bagi amaun peningkatan pendapatan perniagaan dan telah mematuhi kesemua syarat untuk pengecualian. Pengiraan cukai syarikat adalah seperti berikut –

	<b>Tahun Taksiran 2017 (RM)</b>	<b>Tahun Taksiran 2016 (RM)</b>
Pendapatan berkanun perniagaan	830,000	96,000
Tolak : Kerugian tidak diserap	TIADA	(30,000)
Pendapatan berkanun perniagaan dilaraskan	830,000 <sup>1</sup>	66,000
Pendapatan sewa	11,000	TIADA
Pendapatan agregat	841,000 <sup>2</sup>	66,000
Tolak : Derma diluluskan	(3,000)	TIADA
Pendapatan bercukai	838,000 <sup>3</sup>	66,000

**(a) Pengiraan pendapatan bercukai perniagaan Tahun Taksiran 2017**

$$\underline{830,000}^1 \times 838,000^3 = 827,039 \text{ (A)}$$

$$841,000^2$$

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

- (b) Pelarasan bagi subperenggan 4(4) Perintah perlu di buat seperti berikut –

	<b>Tahun Taksiran 2016 (RM)</b>
Pendapatan berkanun perniagaan	96,000
Tolak : Kerugian tidak diserap	0
Pendapatan berkanun perniagaan dilaraskan	96,000 <sup>3</sup>
Pendapatan sewa	TIADA
Pendapatan agregat	96,000 <sup>4</sup>
Tolak : Derma diluluskan	TIADA
Pendapatan bercukai	96,000 <sup>5</sup>

**Pengiraan pendapatan bercukai perniagaan Tahun Taksiran 2016**

$$\frac{96,000^3}{96,000^4} \times 96,000^5 = 96,000 \text{ (B)}$$

- (c) **Pengiraan amaun peningkatan pendapatan bercukai perniagaan**

$$(A-B) = (827,039 - 96,000) = 731,039 \text{ (C)}$$

- (d) **Pengiraan peratus nilai peningkatan pendapatan bercukai perniagaan**

$$\frac{731,039}{96,000} \times 100\% = 761.50\%$$

Kadar cukai pendapatan yang layak berdasarkan Jadual di bawah perenggan 3(1)(b) ialah 20% (D).

- (e) **Pengiraan amaun pendapatan bercukai perniagaan yang dikecualikan**

$$\frac{(731,039 \times 24\%) - (731,039 \times 20\%)}{(731,039 \times 24\%)} \times 731,039 = 121,840^8$$

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

**(f) Pengiraan cukai dengan tuntutan pengecualian peningkatan pendapatan cukai perniagaan bagi tahun taksiran 2017**

	RM
Pendapatan bercukai	838,000 <sup>5</sup>
Tolak : Pengecualian peningkatan pendapatan bercukai perniagaan	<u>(121,840<sup>8</sup>)</u>
	<u>716,160</u>
 Cukai kena dibayar	 716,160 @ 24% = <u>171,878.40</u>

**Contoh 9 : Syarikat yang mempunyai modal berbayar melebihi RM2.5 juta dengan tuntutan EPS**

MNM Sdn Bhd telah beroperasi sebagai pengeluar *jigs and fixtures* semenjak tahun taksiran 2012. Modal berbayar syarikat adalah RM8 juta. Dalam tahun taksiran 2017 syarikat ingin menuntut pengecualian bagi amaun peningkatan pendapatan perniagaan dan telah mematuhi kesemua syarat untuk pengecualian. Pengiraan cukai syarikat adalah seperti berikut –

	Tahun Taksiran 2017 (RM)	Tahun Taksiran 2016 (RM)	
Pendapatan berkanun perniagaan (PB)	1,565,000	1,082,000	
PB 70%	<u>1,095,500</u>	<u>757,400</u>	
<b>Tolak : EPS (Jadual 7A ACP)</b>			
EPS h/h	(242,600)		
EPS semasa /diserap	<u>(242,600)</u>	<u>1,000,000<sup>8</sup></u>	(757,400)
EPS b/h	0	(242,600)	
Pendapatan berkanun perniagaan dilaraskan	1,322,400	324,600 <sup>4</sup>	
Pendapatan faedah	<u>40,000</u>	<u>10,000</u>	





**PENGECUALIAN CUKAI BAGI PENINGKATAN  
DALAM PENDAPATAN BERCUKAI PERNIAGAAN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

	<b>Tahun Taksiran 2017 (RM)</b>	<b>Tahun Taksiran 2016 (RM)</b>
Pendapatan agregat	<u>1,362,400</u>	<u>334,600<sup>5</sup></u>
Pendapatan bercukai	<u>1,362,400<sup>7</sup></u>	<u>334,600<sup>6</sup></u>

Nota <sup>8</sup> – Pada tahun taksiran 2016, MNM Sdn Bhd mempunyai tuntutan EPS tahun semasa. MNM Sdn Bhd masih layak untuk menuntut pengecualian ini kerana tuntutan semasa EPS tidak berlaku dalam tahun taksiran tuntutan iaitu tahun taksiran 2017.

(a) Pelarasan bagi subperenggan 4(4) Perintah perlu di buat seperti berikut –

	<b>Tahun Taksiran 2017 (RM)</b>
Pendapatan berkanun perniagaan (PB)	1,565,000
PB 70%	<u>1,095,500</u>
<b>Tolak : EPS (Jadual 7A ACP)</b>	
EPS h/h	0
EPS semasa /diserap	0
EPS b/h	<u>0</u>
Pendapatan berkanun perniagaan dilaraskan	<u>1,565,00<sup>1</sup></u>
Pendapatan faedah	<u>40,000</u>
Pendapatan agregat	<u>1,605,000<sup>2</sup></u>
Pendapatan bercukai	<u>1,605,000<sup>3</sup></u>

**Pengiraan pendapatan bercukai perniagaan Tahun Taksiran 2017**

$$\frac{1,565,000^1}{1,605,000^2} \times 1,605,000^3 = \text{RM}1,565,000 \text{ (A)}$$

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

**(b) Pengiraan pendapatan bercukai perniagaan Tahun Taksiran 2016**

$$\frac{324,600^4}{334,600^5} \times 334,600^6 = 324,600 \text{ (B)}$$

**(c) Pengiraan amaun peningkatan pendapatan bercukai perniagaan**

$$(A-B) = 1,565,000 - 324,600 = 1,240,400^9 \text{ (C)}$$

**(d) Pengiraan peratus nilai peningkatan pendapatan bercukai perniagaan**

$$\frac{1,240,400}{324,600} \times 100\% = 382.13\%$$

Kadar cukai pendapatan yang layak berdasarkan Jadual di bawah perenggan 3(1)(b) ialah 20% (D).

**(e) Pengiraan amaun pendapatan bercukai perniagaan yang dikecualikan**

$$\frac{(1,240,400 \times 24\%) - (1,240,400 \times 20\%)}{(1,240,400 \times 24\%)} \times 1,240,400$$

$$= 206,733^{10}$$

**(f) Pengiraan cukai dengan tuntutan pengecualian peningkatan pendapatan cukai perniagaan bagi tahun taksiran 2017**

	RM
Pendapatan bercukai	1,362,400 <sup>7</sup>
Tolak : Pengecualian peningkatan pendapatan bercukai perniagaan	<u>(206,733<sup>10</sup>)</u>
	<u>1,155,667</u>
Cukai kena dibayar	1,155,677 @ 24% = <u>277,360.08</u>

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

**5. KETIDAKPAKAIAN**

Perintah ini tidak terpakai kepada pembayar cukai yang layak yang dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2017 atau 2018 —

- (a) telah menuntut EPS di bawah Jadual 7A ACP atau elaun pelaburan sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B ACP;
- (b) telah diberikan apa-apa insentif di bawah APP kecuali tuntutan potongan penggalakan eksport;
- (c) telah diberikan suatu pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP;
- (d) telah menuntut relif kumpulan di bawah seksyen 44A ACP;
- (e) merupakan suatu syarikat pemegang pelaburan di bawah seksyen 60F atau 60FA ACP;
- (f) merupakan suatu unit amanah yang ditakrifkan di bawah subseksyen 63C(5) ACP; atau
- (g) mempunyai hutang yang telah mendapat pelepasan di bawah subseksyen 30(4) ACP.

**6. PENALTI**

Bagi pembayar cukai yang menuntut pengecualian ini bagi tahun taksiran 2017 dan 2018 dan kemudian diaudit oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia –

- (a) sekiranya kes diaudit bagi tahun taksiran 2016 dan kesannya adalah pengurangan peningkatan dalam pendapatan bercukai perniagaan bagi



## PENGECUALIAN CUKAI BAGI PENINGKATAN DALAM PENDAPATAN BERCUKAI PERNIAGAAN

### LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

tahun taksiran 2017, maka penalti tidak akan dikenakan atas cukai tambahan bagi tahun taksiran 2017; atau

- (b) sekiranya kes diaudit bagi tahun taksiran 2017 dan kesannya adalah pengurangan peningkatan dalam pendapatan bercukai perniagaan bagi tahun taksiran 2018, maka penalti tidak akan dikenakan atas cukai tambahan bagi tahun taksiran 2018.

### LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

9 April 2019

s.k. LHDN.01/35/(S)/42/51/82-102